



Prasarana Malaysia Berhad 199801011092(467220-U)

Ibu Pejabat, Menara Prasarana, Jalan PJU1A/46, Ara Damansara, PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7614 3333 Website : www.prasarana.com.my

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

INSIDEN KEBAKARAN DI PUTRA HEIGHTS: PRASARANA SEDIAKAN PERKHIDMATAN VAN RAPID KL ON-DEMAND PERCUMA UNTUK MANGSA

PETALING JAYA, 2 April 2025 – Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) melalui program Prasarana Prihatin, mengambil inisiatif menyediakan enam (6) buah van sebagai perkhidmatan perantara pintu ke pintu percuma bagi membantu mangsa kebakaran paip gas di Putra Heights.

Perkhidmatan yang menggunakan fasiliti van Rapid KL On-Demand ini akan beroperasi bermula esok, 3 April 2025 sehingga situasi kembali stabil untuk para mangsa tersebut.

Laluan yang akan beroperasi adalah dari Pusat Penempatan Sementara (PPS) di Dewan Masjid Putra Heights ke kawasan perumahan persekitaran Putra Heights, Kampung Puchong Tengah dan Kampung Kuala Sungai Baru.

Selain kapten bas, pegawai pengawal trafik kanan dan polis bantuan akan turut berada di lokasi bagi membantu pergerakan komuniti dari dan hingga ke PPS, di samping memastikan perkhidmatan tersebut berjalan secara lancar.

Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan pergerakan mangsa bagi mendapatkan barang-barang keperluan serta dokumen peribadi mereka dari rumah masing-masing, sementara mereka ditempatkan di PPS tersebut. Prasarana turut bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling bagi memastikan keperluan mobiliti mangsa diuruskan dengan sebaiknya.

Prasarana bertekad untuk sentiasa memainkan peranan sebagai penyedia perkhidmatan pengangkutan awam yang bukan sahaja bertumpu kepada mobiliti harian rakyat, malah juga tanggungjawab korporat dalam membantu komuniti yang memerlukannya. Diharapkan inisiatif ini dapat meringankan beban mangsa yang terjejas akibat insiden kebakaran ini.

-Tamat-

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad.